



**IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG DI LUAR BIDANG KUASA SURUHANJAYA  
PERKHIDMATAN AWAM**

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI-  
PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DENGAN  
PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**TARIKH IKLAN: 07 OGOS 2019  
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 21 OGOS 2019  
BILANGAN IKLAN: 58/08/2019(SPA/BIKL)**

**PERATURAN 7(a) - LUAR BIDANG**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
  - (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
  - (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
  - (D) Cara permohonan – Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.
- 
-



- |   |
|---|
| <p><b>1. PEGAWAI UGAMA<br/>KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA<br/>B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)<br/>KEKOSONGAN = TUJUH (07)</b></p> |
|---|

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam / Usuluddin / Syariah (Fiqh & Usul) / Syariah (Fiqh & Qadha) / Perundangan Islam / Guaman Syar'ie / Kaunseling atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dan/atau pengalaman dalam bidang tersebut di atas adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

**BAHAGIAN PENGUATKUASAAN UGAMA:**

1. Mengetuai Unit-Unit di bawah Bahagian Penguatkuasaan Ugama atau mengetuai Cawangan Daerah Belait, Tutong dan Temburong.
2. Pegawai Penguatkuasa Ugama yang baru akan dilantik sebagai "Pegawai Penguatkuasa Agama" menurut bab 26(b) dalam Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, Penggal 184 bagi menjalankan penyiasatan ke atas kesalahan-kesalahan sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
3. Mengatur kelancaran aduan dan FIR termasuk memastikan sistem rekod sentiasa dikemaskini.
4. Menyelaras Operasi atau Pemantauan yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan Ugama atau agensi penguatkuasaan undang-undang yang lain.
5. Mengkaji dan menyelidik apa jua isu atau permasalahan yang dikenal pasti.
6. Menerima Kertas Siasatan dan membuat rumusan serta pandangan sebelum dihadapkan kepada pegawai atasan.
7. Membentangkan Kertas Siasatan yang bermasalah kepada Jawatankuasa Penelitian Kertas Siasatan untuk apa jua tindakan selanjutnya.



8. Menyampaikan taklimat / penerangan bagi kesedaran masyarakat dalam permasalahan syariah, akhlak dan sebagainya.
9. Menjalankan rancangan peningkatan kemahiran dan kapasiti sumber manusia Penguatkuasa Ugama yang diselia oleh Timbalan Ketua Pegawai Penguatkuasa Ugama.
10. Menjadi Pegawai Peneliti Jenayah Hudud.
11. Menyediakan laporan aktiviti bulanan Bahagian Penguatkuasaan Ugama.
12. Menerima arahan daripada pihak atasan dari semasa ke semasa.

#### **BAHAGIAN KAWALAN MAKANAN HALAL:**

1. Menguatkuasakan Akta Daging Halal Penggal 183, Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 dan Akta Kesihatan Awam (Makanan), Penggal 182.
2. Mengetuai pentadbiran dan penyiasatan di peringkat daerah.
3. Meneliti dan memberi ulasan terhadap kes-kes pengaduan dan penyiasatan di peringkat daerah.
4. Merancang dan melaksanakan gerakan atau operasi dalam daerah yang ditadbirnya.
5. Mengetuai pemeriksaan mengejut ke rumah-rumah sembelihan yang terdapat di daerah masing-masing.
6. Mengetuai ceramah dan taklimat di daerah masing-masing.
7. Mengetuai lawatan atau memantau pos-pos kawalan masuk ke Negara ini di daerah masing-masing.
8. Memahami dan menguasai secara mendalam perkara berikut:-
  - Perkembangan dan isu-isu semasa undang-undang produk halal atau undang-undang Islam.
  - Mengetahui aspek halal dan keselamatan makanan.
9. Menjadi Pegawai Pemerhati di rumah-rumah sembelihan luar Negara yang telah diiktiraf halal oleh Majlis Ugama Islam Brunei.



10. Merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti keagamaan bagi Bahagian Kawalan Makanan Halal.
11. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.

**BAHAGIAN KHIDMAT NASIHAT KELUARGA:**

1. Mengetuai Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga Daerah.
2. Mengendalikan permohonan kes MAL, Poligami dan memohon nasihat.
3. Menyampaikan ceramah kursus Pra Nikah termasuk kursus singkat, taklimat poligami dan Kursus Pasca Nikah.
4. Menyampaikan taklimat Program Bimbingan Keluarga.
5. Menerima arahan daripada pihak atasan dari semasa ke semasa.



**NOTA:**

**Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan perkhidmatan awam Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Tutup Permohonan : 21 Ogos 2019**

**Pemohon hendaklah melengkapkan borang SPA 1 dan menyertakan salinan-salinan Kad Pengenalan Pintar, Surat Beranak, surat-surat akuan, sijil-sijil yang berkenaan, satu keping gambar berukuran pasport dan dihantar ke alamat berikut:**

**SEKSYEN PENGAMBILAN DAN KEANGGOTAAN, TINGKAT 3,  
BANGUNAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
JALAN DEWAN MAJLIS, BB 3910,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**PEMBERITAHUAN:**

1. **Penggunaan Borang SPA/1**
  - a Semua permohonan hendaklah dengan mengisikan borang SPA/1.
  - b Semua pemohon dikehendaki mengisikan SATU (1) Borang SPA/1 khusus untuk SATU (1) jawatan sahaja.
  - c Pemohon yang memohon lebih dari satu (1) jawatan dikehendaki untuk mengisikan borang SPA/1 mengikut jumlah jawatan yang dipohonkan.
  - d Borang SPA/1 boleh didapati dilaman sesawang Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ([www.spa.gov.bn](http://www.spa.gov.bn)) klik "Muat Turun" kemudian pilih Borang SPA/1 dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.
  - e Sijil-sijil Akademik asal (asli) hendaklah dibawa semasa menghadapi permohonan borang SPA/1 untuk pengesahan.
  - f Pemohon hendaklah menyertakan satu keping gambar terkini berukuran pasport.
2. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapi bersama borang permohonan hendaklah **diiktiraf** oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil Kerajaan).
3. Permohonan yang lewat **tidak akan dilayan**.